

TINJAUAN MASALAH PENGURUSAN PROSES PBS DAN CIRI-CIRI ELEMEN PENTAKSIRAN YANG PERLU ADA DALAM SATU SISTEM PENGURUSAN EPORTFOLIO PBS

Suhaizal Hashim

1.0 PENGENALAN

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) menyatakan bahawa cabaran utama yang dihadapi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah mengurangkan pembelajaran berorientasikan peperiksaan di sekolah. Untuk mencapai matlamat ini, pelan ini mencadangkan supaya penilaian di sekolah ditukarkan kepada sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) berdasarkan kepada penilaian tugasan. Matlamat utama PBS ini adalah untuk mempertingkatkan kualiti pembelajaran, pengajaran dan penilaian. Berdasarkan pentaksiran ini, guru-guru akan diberikan lebih tanggungjawab dalam membangunkan penilaian dan mengaitkannya dalam pengajaran (Hwa, 2008). Keupayaan pelajar pula akan diukur berdasarkan kriteria dan piawai tertentu berdasarkan silibus subjek dan dipantau oleh panel terdiri daripada pakar-pakar subjek berkenaan (Dudley dan Luxton, 2008).

Proses pentaksiran ini memberi kesan terhadap pelajar melalui motivasi intrinsik iaitu keinginan yang timbul kerana matlamat itu sendiri menyebabkan pelajar ingin berusaha atau ekstrinsik iaitu dorongan yang diberikan oleh guru atau persekitaran (Mokhtar, 2009). Pentaksiran adalah kaedah siasatan untuk menentukan tahap pembelajaran, kaedah untuk memperoleh dan mengumpul maklum balas penting, proses menilai pelajar dalam konteks pendidikan, proses mendokumentasi pengetahuan, kemahiran, sikap dan kepercayaan, satu pendekatan pengajaran dan teknik yang penting, proses kitaran dan berterusan untuk menilai pengajaran dan pembelajaran, satu kaedah untuk menentukan bagaimana pengajaran dan pembelajaran yang terbaik secara berterusan dan sebagai alat diagnostik dan penilaian (Rayment, 2006).

Sistem pentaksiran di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua bentuk utama. Pertama, pentaksiran secara berpusat yang dikendalikan secara langsung oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Kedua, pentaksiran secara dalaman yang dikendalikan secara berterusan melalui proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dan dikendalikan oleh guru mata pelajaran berkenaan (Mohd Isha, 2011). Kedua-dua bentuk pentaksiran yang diamalkan ini selari sebagai mana yang dikelaskan oleh Shepard (2000) iaitu pentaksiran berpusat dan pentaksiran dalaman. Semasa menjalankan proses pentaksiran ini, pelajar-pelajar dihendaki untuk menduduki Peperiksaan Penilaian Tingkatan 3 yang akan melibatkan lapan subjek,

dengan tiga jenis kaedah pentaksiran iaitu pelbagai instrumen, ujian bertulis dan ujian lisan yang melibatkan proses mendengar dan bertutur (KPM, 2014). Bagi subjek Sejarah pula, kaedah pelbagai instrumen digunakan. Pelbagai instrumen yang dimaksudkan adalah boleh diadakan dalam bentuk tugas bertulis, ujian amali, projek, kajian lapangan, kajian kes, demonstrasi dan persembahan (KPM, 2014).

Sebelum ini, penekanan kepada peperiksaan menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menjurus kepada menyediakan murid untuk boleh menjawab soalan peperiksaan sahaja. Malah, sistem pentaksiran murid sedia ada juga lebih mengarah kepada pentaksiran aspek intelek sahaja tanpa memberi banyak tumpuan kepada penilaian pertumbuhan dan perkembangan potensi-potensi lain (Ali, 2008). Aspek pentaksiran adalah salah satu teras utama bagi pihak sekolah, namun guru-guru menghadapi pelbagai masalah untuk melaksanakannya (Azhar dan Shahrir, 2008).

1.1 ISU DAN CABARAN DALAM MENJALANKAN PENTAKSIRAN

PBS ialah satu proses untuk memantau pertumbuhan, kebolehan, kemajuan dan pencapaian pelajar secara keseluruhan berdasarkan objektif kurikulum baru yang bersepadu dan juga berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara (Mokhtar, 2009). Pentaksiran dalam bidang pendidikan ialah satu proses pembelajaran yang merangkumi aktiviti menghurai, mengumpul, merekod, memberi skor dan menterjemah maklumat tentang pembelajaran seseorang murid bagi sesuatu tujuan tertentu (Azizi, 2010).

Proses pentaksiran yang dijalankan sekarang ini melibatkan penggunaan Modul Perekodan Perkembangan Pembelajaran Murid bagi membantu guru merekod perkembangan penguasaan pembelajaran murid dalam Pentaksiran Sekolah berpandukan Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Melalui Modul Perekodan ini, setiap guru mata pelajaran hanya perlu menanda pada *band* yang telah dikuasai oleh murid sepanjang proses pentaksiran dalam bilik darjah atau setelah selesai sesuatu tajuk atau tema yang ditaksir (KPM, 2014).

Dalam satu kajian untuk mengenalpasti apakah masalah utama, apakah punca kepada masalah tersebut dan bagaimanakah guru menyelesaikan masalah tersebut dalam amalan pentaksiran di sekolah menengah mendapati bahawa masalah yang kerap dihadapi oleh guru ialah pelajar sering tidak menyiapkan tugas, guru tidak sempat menjalankan aktiviti pentaksiran, masa pengajaran guru sering terganggu oleh pelbagai aktiviti sekolah dan pelajar tidak berminat untuk menjawab soalan yang dibina sendiri oleh guru. Antara punca masalah ini ialah pelajar tidak berminat untuk belajar, guru kekurangan masa untuk merancang aktiviti pentaksiran, kesinambungan proses pengajaran dan pembelajaran sering terganggu dan kemunculan terlalu banyak buku panduan peperiksaan di pasaran (Azhar dan Shahrir, 2008).

Graham (2008) menyatakan komponen utama untuk pelaksanaan PBS yang berkesan ialah keupayaan guru dalam melaksanakan PBS itu sendiri melalui dua cara iaitu mendapatkan maklumat mengenai prestasi pembelajaran pelajar dan keupayaan guru itu membuat penilaian yang baik. Guru adalah pelaksana bagi PBS di sekolah, maka guru perlu mengenalpasti tahap pencapaian murid dari segi pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi. Guru yang akan menerima maklumbalas sama ada pembelajaran dan pengajaran perlu diubah mengikut kesesuaian dan kefahaman murid. Namun tidak ramai guru yang benar-benar bersedia untuk menjalankan PBS kerana mereka tidak berpeluang untuk mempelajari teknik-teknik dan amalan pentaksiran yang betul. Ini menyebabkan guru melaksanakan pentaksiran sebagai satu produk dan bukan sebagai satu proses untuk membantu pembelajaran dan pengajaran (Salmiah et al, 2011).

Menurut kajian Shafinaz (2010) juga, sistem pengurusan PBS di sekolah setakat ini menggunakan sistem fail secara manual atau portfolio dan menimbulkan masalah dari segi kehilangan maklumat, rosak dan dicuri pelajar. Selain itu, kebolehcapaian portfolio tersebut juga terhad kepada guru dan pelajar yang terlibat sahaja. Ini menyukarkan pihak pengurusan atau ibu bapa untuk memantau perkembangan pelajar. Pengurusan fail secara manual ini juga memerlukan ruang yang luas seperti bilik-bilik khas untuk meletakkan fail-fail pelajar. Sekiranya terdapat satu sistem khusus bagi menguruskan portfolio ini, masalah-masalah tersebut boleh diatasi.

Berdasarkan kajian-kajian ini, satu kajian perlu dijalankan untuk menyelesaikan masalah pengurusan proses pentaksiran itu sendiri dan dapat membantu menerapkan pentaksiran dalam proses pembelajaran dan pengajaran guru melalui sistem pembelajaran yang akan dibangunkan nanti. Semasa menjalankan proses pentaksiran, teknologi maklumat dan komunikasi boleh membantu dalam koleksi, rakaman dan pembentangan data penting. Di samping menyimpan maklumat, guru boleh menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi untuk membantu merancang dan menganjurkan, merekabentuk dan menyimpan sumber dan mencipta alat pentaksiran interaktif dalam usaha membantu proses pentaksiran (Rayment, 2006).

Eportfolio dilihat sebagai satu penyelesaian terbaik yang dilihat fleksibel untuk pengajaran, pembelajaran dan penilaian. Melaksanakan eportfolio dalam proses pembelajaran dan pengajaran memerlukan perancangan, prosedur baru, cara pemikiran baru, sumber tambahan dan latihan kedua-dua pihak iaitu guru dan pelajar. Keupayaan untuk berkongsi sumber, pelaksanaan proses, implementasi wawasan dalam latihan dan kaedah untuk bekerjasama antara pelajar telah memberikan perbezaan yang besar kepada *Connecticut Institute* yang terlibat dalam projek pelaksanaan eportfolio. Kaedah yang digunakan ini memerlukan pelajar memahami kemahiran atau pengetahuan serta boleh memilih kerja yang menunjukkan kemahiran atau pencapaian mereka dalam bidang yang diuji (Diane, 2007).

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Maka, kajian ini dijalankan untuk menjawab beberapa persoalan iaitu:

- i. Menenalpasti masalah pengurusan proses Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).
- ii. Menenalpasti ciri-ciri elemen pentaksiran yang perlu ada dalam satu sistem pengurusan eportfolio PBS.

1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dapat memberi kepentingan kepada guru di mana mereka mampu menilai keberkesanan pengajaran yang dijalankan secara berterusan, membantu memperbaiki pembelajaran dan pengajaran dan merancang tindakan susulan di samping memberi maklumbalas terhadap kemajuan murid apabila satu sistem pembelajaran berasaskan eportfolio dapat dibangunkan. Selain itu, guru juga dapat memperolehi maklumat mengenai kemampuan dan kebolehan pelajar dan masalah kekeliruan atau kekurangan yang dihadapi.

1.4 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini hanyalah terhadap sampel yang telah ditetapkan iaitu 28 orang guru dan 3 orang guru ketua panitia Sejarah yang terlibat dalam matapelajaran Sejarah tingkatan satu dari sekolah-sekolah sekitar Skudai, Johor Bahru. Fokus kajian ini menumpukan kepada menenalpasti masalah pengurusan proses Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan ciri-ciri elemen pentaksiran yang perlu ada dalam satu sistem pengurusan eportfolio PBS.

1.5 METODOLOGI

Kajian ini adalah satu tinjauan yang telah dijalankan dan disokong oleh data-data berbentuk kualitatif. Bagi menenalpasti masalah pengurusan proses PBS ini, tinjauan secara kualitatif berbentuk soalan terbuka telah dijalankan. Soal selidik secara soalan terbuka dipilih kerana soalan berbentuk ini dapat menggalakkan jawapan yang bermakna berdasarkan kepada pengetahuan atau perasaan subjek sendiri dan juga cenderung untuk menjadi lebih objektif. Soalan temubual pula telah digunakan bagi mendapatkan data berbentuk kualitatif untuk membantu pengkaji menenalpasti persoalan kajian ciri-ciri elemen pentaksiran yang perlu ada dalam satu sistem pengurusan eportfolio PBS dengan menekankan kepada elemen pengurusan rekod melalui ciri-ciri seperti mempunyai fail khas untuk menyimpan maklumat pentaksiran, maklumat tugas dijadikan sebagai eviden dan maklumat tugas dikongsi bersama rakan sejawat, pentadbir dan ibu bapa jika perlu. Jadual 1.1 menjelaskan pembahagian rekabentuk penyelidikan berdasarkan alatan analisis.

Jadual 1.1: Pembahagian Rekabentuk Penyelidikan berdasarkan alatan analisis

| Persoalan kajian | Data | Analisis Item |
|---|---|---|
| Apakah masalah pengurusan proses Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) | Tinjauan secara kualitatif: - Soalan terbuka | - Analisis tematik dari soalan terbuka. |
| Apakah ciri-ciri elemen pentaksiran yang perlu ada dalam satu sistem pengurusan eportfolio PBS. | Tinjauan secara kualitatif: - Temubual | - Analisis kandungan soalan temubual |

1.6 ANALISIS DATA

Setiap dapatan kajian adalah merangkumi laporan data yang diperolehi berdasarkan persoalan kajian dan proses kajian yang telah dijalankan. Segala data yang diperolehi ini telah ditranskripkan terlebih dahulu selepas selesai proses kutipan data. Berikut adalah dapatan data-data tersebut:

1.6.1 Analisis soalan terbuka

Semasa menjalankan kajian ini, terdapat soalan-soalan yang diutarakan berbentuk soalan terbuka dan berkisar tentang masalah pengurusan proses PBS. 28 orang guru yang dipilih sebagai sampel di minta untuk menjelaskan tentang masalah dalam pengurusan proses PBS sepanjang pengalaman mereka melaksanakan proses pentaksiran ini. Sepanjang analisis data dijalankan, setiap kategori yang telah dikenal pasti ini turut dimurnikan lagi secara berterusan menggunakan kaedah analisis secara tematik. Analisis tematik adalah salah satu cara bagi mengenalpasti tema-tema yang terdapat berdasarkan suatu fenomena.

Berdasarkan soalan terbuka yang telah diedarkan ini, setiap jawapan guru-guru yang berulang telah dikumpulkan untuk menjadi satu tema baru. Berikut adalah antara teks-teks jawapan guru bagi tema pengurusan pelajar dan juga pengurusan eviden dalam mengenalpasti masalah pengurusan proses PBS:

“Pelajar tidak serius dalam menjawab PBS” – Guru 5

“Pelajar tidak mengulangkaji pelajaran” – Guru 13

“Eviden PBS terlalu banyak” – Guru 19

Hasil analisis data tersebut akan dipersembahkan dalam bentuk memerihalkan semula atau menggunakan kekerapan tema yang diperolehi melalui transkripsi bagi memaparkan data dapatan soal selidik. Kaedah ini dijalankan bertujuan untuk menyokong pernyataan bahawa terdapat masalah yang timbul sepanjang pelaksanaan proses PBS. Jumlah sampel dan frekuensi skema pengekodan di catatkan bagi mengenalpasti masalah pengurusan proses PBS. Jadual 1.2 adalah dapatan kajian daripada borang soalan terbuka yang telah diedarkan kepada 28 orang guru bagi mengenalpasti masalah pengurusan proses PBS secara umum.

Jadual 1.2: Masalah pengurusan proses PBS secara umum

| Bil | Tema | Frekuensi Skema Pengekodan | Jumlah Sampel |
|-----|----------------------------------|----------------------------|---------------|
| 1. | Pengurusan pelajar | 37 | 23 |
| 2. | Pengurusan eviden | 10 | 9 |
| 3. | Pengurusan masa | 8 | 7 |
| 4. | Penggunaan sistem pengurusan PBS | 7 | 7 |

Masalah utama dalam pengurusan proses PBS secara umum yang dikenalpasti adalah berpunca daripada pelajar itu sendiri dengan 37 frekuensi skema pengekodan dicatatkan daripada 17 orang sampel. Antara masalah yang wujud bagi tema ini ialah pelajar tidak serius dalam menjawab soalan PBS dan pelajar tidak mahu mengulangkaji pelajaran. Selain itu, masalah pengurusan eviden juga dikenalpasti dengan 10 frekuensi skema pengekodan daripada 9 orang sampel. Lain-lain masalah pula ialah pengurusan masa dengan 8 frekuensi skema pengekodan daripada 7 orang sampel dan masalah penggunaan sistem pengurusan PBS dengan 7 frekuensi skema pengekodan daripada 7 orang sampel telah dikenalpasti.

1.6.2 Analisis temubual guru

Proses temubual telah dijalankan bagi mengenalpasti ciri-ciri elemen pentaksiran yang perlu ada dalam satu sistem pengurusan eportfolio PBS. Data ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dimana setiap pendapat guru yang sama mengenai ciri-ciri pentaksiran dikumpulkan mengikut kategori tertentu berdasarkan tiga konstruk utama iaitu pengurusan rekod, maklumat tugas dapat dijadikan sebagai eviden dan maklumat tugas dapat dikongsi. Jadual 1.3 dan 1.4 memaparkan contoh dapatan analisis dan penentuan kod temubual guru di mana tiga kategori ciri-ciri pentaksiran tertinggi hasil daripada proses pengekodan akan dicatatkan dan ciri-ciri ini diterjemahkan ke dalam satu sistem pengurusan eportfolio PBS sekiranya ia dibangunkan bagi melancarkan lagi proses PBS yang telah dijalankan.

Jadual 1.3: Contoh dapatan analisis temubual guru

| Soalan Temubual | Sampel | Respon sampel | Kod |
|---|--------|--|------------------|
| Sekiranya satu sistem pembelajaran dibangunkan, apakah ciri-ciri yang dirasakan dapat membantu anda menyimpan maklumat pentaksiran yang anda ingin lihat dalam sistem tersebut. | Guru 1 | Kalau ada satu sistem yang dapat menambah baik sistem penyimpanan eviden, saya berharap sistem tersebut dapat membantu menyimpan eviden secara automatik atau mengikut tarikh. Contohnya, jika pelajar telah membuat pentaksiran pada bulan 6, dan itu yang terkini, eviden itu akan disimpan dalam komputer dan menyatakan itu adalah eviden yang terkini secara automatik. | R1 |
| | Guru 2 | Kalau ada satu sistem yang ingin dibangunkan, biarlah sistem tersebut dapat menyimpan semua maklumat dan data eviden pelajar tanpa perlu memasukkannya ke dalam fail kerana ia akan memakan masa dengan bilangan pelajar yang ramai. Jadi, jika terus masuk ke dalam komputer secara online, kerja akan menjadi lebih mudah. | R1 |
| | Guru 3 | Kalau ada sistem yang lebih mudah untuk semua pihak seperti guru, ibu bapa ataupun pelajar sendiri adalah lebih mudah jika memaparkan markah, band yang sudah dicapai, soalan-soalan dalam ujian PBS atau soalan-soalan yang mengikut format peperiksaan sebenar. | R2, R3, R4 R5 |

Jadual 1.4: Contoh penentuan kod temubual guru

| Penentuan Kod | | | | |
|---------------------------------------|-----------------------|--|------------------------------------|--|
| R1: menyimpan eviden secara automatik | R2: memaparkan markah | R3: memaparkan band yang sudah dicapai | R4: memaparkan soalan-soalan ujian | R5: memaparkan soalan-soalan peperiksaan |

Berdasarkan temubual yang telah dijalankan ini, analisis ciri-ciri pentaksiran tertinggi hasil daripada proses pengekodan temubual guru ini boleh diterjemahkan ke dalam pembangunan satu sistem pembelajaran. Dapatan hasil daripada analisis yang dijalankan mendapati bahawa antara ciri-ciri yang boleh diaplikasikan dalam satu sistem pengurusan eportfolio PBS ialah sistem ini mampu untuk menyimpan eviden secara automatik, pengguna dapat mengakses markah dan evidens dan pihak bertanggungjawab dapat melihat paparan tugas yang telah dilaksanakan.

1.6.3 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Setelah menjalankan kajian hampir empat minggu kepada reponden-responden kajian, beberapa perkara telah dapat dikenalpasti sebagai hasil penyelidikan dan kesimpulan yang dapat dilakukan ialah wujudnya masalah sepanjang menjalankan proses PBS bagi matapelajaran Sejarah tingkatan satu. Berdasarkan temubual yang telah dijalankan pula, guru-guru telah memberikan pandangan yang positif terhadap pembangunan satu sistem pembelajaran yang berasaskan eportfolio bagi membantu mereka menjalankan proses pentaksiran.

Beberapa kajian telah dikenalpasti untuk mencari pendekatan yang dijalankan untuk membantu melaksanakan proses pentaksiran ini. Antaranya ialah satu kajian di New Zealand yang membangunkan perisian *Assessment Tools for Teaching and Learning* (asTTle) berbentuk pembelajaran kolaboratif dimana perisian ini menyediakan panduan melalui contoh, ujian selaras, “*teacher professional assessments*” dan “*technology assisted testing system*”. Perisian ini dibangunkan untuk mengawal sistem ujian di sekolah yang boleh menganalisis prestasi pelajar secara individu dan berkumpulan dalam melaksanakan proses pentaksiran. Guru hanya perlu berfikir bagaimana untuk merekabentuk dan menyampaikan arahan selain daripada mengenalpasti prestasi pelajar mereka (Brown, 2004).

Di Malaysia pula, satu model keperluan umum telah di reka untuk proses pembangunan perisian untuk satu sistem baru iaitu sistem pengurusan pentaksiran bagi menguruskan portfolio bahan PBS untuk matapelajaran vokasional (MPV) sebagai membantu proses pengurusan PBS di sekolah (Shafinaz, 2010). Selain itu, *Mathematical Thinking Assessment Framework* (MATA) merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mengenalpasti keupayaan pemikiran matematik (*Mathematical Thinking*) dalam PBS telah dibangunkan. Melalui kaedah ini, guru dapat mengenalpasti kepelbagaian pembinaan kognitif dan afektif pelajar melalui pemikiran matematik dalam MATA *framework* (Hwa, 2008).

Diharapkan, kajian ini yang menyasarkan pembangunan satu sistem pembelajaran berasaskan eportfolio untuk kegunaan guru-guru dan pelajar-pelajar adalah sebagai satu usaha bagi membantu pengurusan fail-fail tugas yang perlu dilaksanakan oleh mereka yang merupakan salah satu elemen dalam PBS. Kajian ini dirasakan perlu untuk menyelesaikan masalah pengurusan proses pentaksiran itu sendiri dan membantu menerapkan pentaksiran dalam membantu proses pembelajaran dan pengajaran guru melalui sistem pembelajaran yang akan dibangunkan nanti

RUJUKAN

- Ali, Z. 2008. Pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu Di Sekolah Menengah Luar Bandar Daerah Kuantan, Pahang. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Azhar Mat Ali, Shahrir Jamaluddin. 2008. Amalan Pentaksiran Di Sekolah Menengah: Masalah, Punca Dan Langkah Penyelesaiannya, Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPG 2008.
- Azizi Ahmad. 2010. Pentaksiran pembelajaran. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Brown, G .T. 2004. *Queenlands Teachers' Conception of Assessment: The Impact of policy Priorities on Teacher Attitudes*, Assessment in education vol. 11, No.3, November 2004.
- Diane, J. G. 2007. Enhancing Learning and Assessment Through e-Portfolios: A Collaborative Effort in Connecticut, Published online in Wiley Inter Science (www.interscience.wiley.com), DOI: 10.1002/ss.247.
- Dudley, R. dan Luxton, P. 2008. *The development of the P-12 assessment policy in Queensland, Australia*, 34th International Association for Educational Assessment Annual Conference 2008, Cambridge.
- Graham, M. 2008. *Quality Management of School Based Assessments: Moderation of teacher judgements*. Paper presented at 32nd IAEA Conference, Singapore.
- Hwa. 2008. *Implementing School Based Assessment : The Mathematical Thinking Assessment (MATA) Framework*, Buku Koleksi Bahan Seminar Inovasi Pedagogi IPBL Tahun 2008.
- Mokhtar. 2009. Pentaksiran Pendidikan. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Shafinaz. 2010. A generic Requirement Model, Master thesis, Universiti Utara Malaysia.
- Rayment, T. 2006. *101 Essential Lists on Assessment*. Continuum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2014. Panduan Penggunaan Modul Perakodan.
- Mohd Isha Awang. 2011. Pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah: Pengetahuan dan amalan guru di sekolah menengah agama milik kerajaan negeri, Prosiding seminar majlis dekan-dekan pendidikan IPTA 2011.
- Shepard, L. A. 2000. The role of assessment in a learning culture. *Educational researcher*, 4-14.